



PENDIDIKAN



Muka B4 **Belia perlu perkasa aktiviti**

Membentuk jati diri pelajar

► *Bakti Siswa UMS di Kg Sinisian Kundasang*

UNIVERSITI Malaysia Sabah (UMS) melalui Pusat Kokurikulum dan Pemajuan Pelajar (PKPP) sentiasa komited dalam memastikan kecemerlangan akademik siswa-siswi turut diimbangi dengan pembangunan daya kemahiran insaniah, kepimpinan dan ketrampilan pelajar melalui pelbagai kegiatan di luar kampus.

Terbaru, Program Anak Angkat Persatuan Interaksi Institusi dan Masyarakat (Interim) di Kampung Sinisian, Kundasang, dilihat bukan sahaja memberi peluang interaksi pelajar UMS bersama masyarakat kampung, malah

mampu membentuk jati diri pelajar melalui pengalaman kehidupan bermasyarakat serta pengamalan nilai-nilai moral dan etika yang baik.

Program selama dua hari itu menyaksikan seramai 40 pelajar yang kebanyakannya pelajar tahun pertama UMS diberi peluang merasai kehidupan bersama keluarga yang berlainan bangsa, agama dan budaya.

Sebagai sesi pengenalan, para pelajar UMS dibawa melawat ke kebun sayur-sayuran yang merupakan antara sumber ekonomi penduduk kampung setelah pembahagian anak angkat dilakukan.

Lawatan itu sedikit sebanyak memberi



ZAKI bersama Pendaftar UMS No'man Ahmad dan warga kakitangan dan pelajar UMS bergambar kenangan bersama penduduk Kampung Sinisian.

pengetahuan kepada pelajar akan aktiviti penduduk kampung dalam menjana pendapatan harian.

Para pelajar kemudiannya mula melaksanakan aktiviti berbentuk interaksi bersama penduduk kampung seperti sukaneka, gotong royong dan persediaan pertandingan Edu Camp, satu aktiviti yang memfokuskan bidang pendidikan menguji kebolehan daya fikir secara kreatif kepada kanak-kanak.

Hari pertama pelajar UMS diakhiri dengan program Malam Kebudayaan di Dewan Walai Tokou dengan pelbagai persembahan yang dipentaskan, memberi satu hiburan dan kerianggan kepada penduduk kampung.

Hari kedua program, para pelajar terpaksa bangun lebih awal bagi aktiviti cabaran Walai Tokou yang bermula seawal jam 5.40 pagi. Cabaran itu benar-benar menguji daya ketahanan mental dan fizikal setiap siswa UMS untuk berdepan keadaan suhu sejuk di kampung itu.

Program bakti siswa UMS berakhir dengan penyampaian hadiah dan sumbangan bagi pertandingan Edu Camp yang diadakan selepas cabaran Walai Tokou.

Penyampaian hadiah disempurnakan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah UMS Tun Zaki Tun Azmi. Zaki kemudiannya mengadakan lawatan di sekitar kampung berkenaan, serta menanam pokok bunga sebagai simbolik penganjuran program anak angkat di Kampung Sinisian.

Walaupun singkat, namun pengalaman dua hari di Kampung Sinisian banyak memberi pengalaman kepada para pelajar UMS untuk mengenali pelbagai aspek kehidupan di kampung itu yang memberi manfaat dari segi membentuk daya kemahiran insaniah kepada peserta.